

## PUSAT PERMATApintar NEGARA

Cungkil bakat  
pelajar pintar

**P**ERMATApintar satu program yang dibina khusus untuk menyediakan pendidikan bagi pelajar pintar dan berbakat di Malaysia. Ia cetusan idea Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri yang juga penaung bagi program PERMATApintar.

Pada 2009, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipilih sebagai pelaksana program ini. Sehubungan itu, pada 2010, UKM menubuhkan Pusat PERMATApintar Negara yang menyediakan perkhidmatan pendidikan yang komprehensif, khusus untuk pelajar pintar dan berbakat.

Penubuhan pusat ini bertujuan untuk merancang dan melaksanakan semua aktiviti pendidikan pelajar pintar dan berbakat di Malaysia yang dibahagikan kepada empat iaitu:

(a) Usaha mencari pelajar pintar dan berbakat melalui ujian atas talian yang dikenali sebagai UKMI dan UKM2.  
(b) Aktiviti pengayaan, termasuk Perkhemahan Cuti Sekolah, program Genome to Space, Mentoran Penyelidikan, program Matematik dan Biology Olympiad dan Persidangan 'Future Scientist Conference'.

(c) Pendidikan menengah Kolej PERMATApintar UKM, dan

(d) Program prauniversiti yang dikenali sebagai ASASpintar UKM.  
Sehingga kini Pusat PERMATApintar Negara UKM menguji hampir dua juta pelajar menggunakan Ujian UKMI dan hampir 60,000 dipilih untuk mencuba Ujian UKM2.

Seramai 6,400 pelajar dijemput untuk mengambil bahagian dalam Perkhemahan Cuti Sekolah, manakala hampir 400 pelajar menamatkan pembelajaran dari Kolej PERMATApintar UKM. Mereka kini sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di universiti dalam dan luar Negara.

Pusat PERMATApintar Negara UKM menyediakan kurikulum pendidikan khusus bagi membina potensi pelajar pintar dan berbakat yang memiliki kecerdasan minda yang tinggi. Kurikulum 'robust' yang disediakan membolehkan pelajar pintar dan berbakat dididik dengan sukatan pelajaran yang sesuai dengan tahap kognitif dan keunikan mereka. Kurikulum yang disediakan berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau STEM.

Pelajar didedahkan dalam bidang penyelidikan berasaskan STEM dan ini sebahagian daripada kurikulum asas program PERMATApintar. Pelajar

dibimbing pakar dari dalam dan luar UKM bagi menjalankan penyelidikan mengikut kecenderungan dan minat mereka. Usaha ini sejajar dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan minat pelajar untuk meneruskan pengajian dalam bidang STEM.

Pendekatan pembelajaran dan pengajaran di Pusat PERMATApintar Negara, UKM bukan sahaja menekankan kepada peperiksaan SPM, malah lebih kepada melatih pelajar dalam pembinaan pemikiran aras tinggi sejajar dengan keperluan pendidikan Abad ke 21. Sehubungan itu, pelajar didedahkan kepada kurikulum yang lebih tinggi seperti kursus tahun satu universiti (Algebra dan Calculus), Advance Placement Courses, Peperiksaan Antarabangsa seperti SAT, SAT SUBJECT TESTS, TOEFL, dan IELTS.

Kaedah pengajaran dilaksanakan pula berbentuk mampatan, pecutan dan pengayaan, bersandarkan Kurikulum Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Negara dan Konsep Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Bagi memenuhi keperluan pelajar pintar dan berbakat yang mempunyai kepelbagaian aras kognitif dan potensi diri, Kolej PERMATApintar UKM menggunakan pendekatan kaedah pengajaran berbeza yang disebut sebagai 'differentiated learning'. Kaedah pengajaran ini membolehkan guru mengajar setiap pelajar mengikut kemampuan masing-masing walau pun ia dilakukan dalam satu sesi pembelajaran yang sama.

Kurikulum pendidikan yang dibina oleh Pusat PERMATApintar Negara UKM mengutamakan pembangunan pelajar secara holistik dengan mengambil kira aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, sosial, dan kepemimpinan.

Ia selari dengan visi Pusat PERMATApintar Negara UKM yang ingin memupuk pelajar pintar dan berbakat yang seimbang dengan pemikiran inkuisitif yang tinggi. Usaha berterusan ini bertujuan menghasilkan pemikir, pemimpin bertaraf dunia serta berkemahiran mencipta dengan menghayati nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi.

Pengalaman Pusat PERMATApintar Negara UKM dalam merancang, melaksana program pendidikan pintar dan berbakat dikongsi kepada masyarakat dalam Persidangan Antarabangsa PERMATA pada 30 Mei hingga 2 Jun lalu di PWTC Kuala Lumpur.

ROSMAH bersama isteri Perdana Menteri Turki, Emine Erdogan melayan telatah si cilik ketika membuat lawatan ke Pusat Permatapintar Negara di UKM.